



Idris (tengah) bersama Ketua Setiausaha KPT, **Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur (enam dari kiri)** dan penerima Perakuan Status Swaakreditasi MQA 2017 pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Pendidikan Tinggi di Putrajaya, semalam.

BERITA HARIAN 21/3/2017 p. 20

Lapan universiti awam, swasta dapat akreditasi

Putrajaya: Lapan lagi universiti awam (UA) dan swasta tempatan mendapat Perakuan Status Swaakreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi membolehkan mereka mengakreditasi sendiri program pengajian di universiti masing-masing.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata universiti berkenaan adalah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), International Medical University (IMU), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tuanku Abdul Rahman (UTAR), Universiti

Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Multimedia (MMU).

"Akreditasi ini dilakukan melalui sistem kualiti dalaman mereka berpandukan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dan standard serta ketetapan dibuat MQA dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dari semasa ke semasa.

"Ini termasuk akreditasi ke atas 1,050 program yang ketika ini dipantau secara langsung oleh MQA," katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPT di sini, semalam.

MQA turut mengekalkan Perakuan Status Swaakreditasi ke atas empat UA dan empat kampus cawangan universiti luar negara

yang diberikan sebelum ini. Lebih 10 universiti lain disasarkan menerima perakuan berkenaan tahun depan jika berjaya menepati kriteria ditetapkan dan ditawarkan KPT.

Ambil peluang

Mengulas pencapaian Kuala Lumpur disenaraikan sebagai antara bandar pilihan pelajar menyambung pengajian mengikut Penarafan 100 Bandar Terbaik untuk Pelajar QS Ququarelli Symonds, baru-baru ini, Idris berkata, Malaysia perlu mengambil peluang menarik lebih ramai pelajar asing, terutama dengan kemerosotan 40

peratus pelajar asing di Amerika Syarikat seperti dilaporkan beberapa hari lalu.

Sementara itu, di **Kuala Lumpur**, tiga graduan UA cemerlang dalam pencapaian akademik menerima anugerah Pingat Tunku 2016 dalam satu majlis di Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman, Yayasan Tunku Abdul Rahman.

Pada majlis itu, pemenang pingat emas sesi 2016 dianugerahkan kepada Lian Yoon Chen, 25, graduan Universiti Sains Malaysia (USM) bagi Ijazah Sarjana Muda Doktor Perigian Dengan Kepujian yang menerima emas seberat 32 gram beserta wang tunai RM5,000

Pingat perak dianugerahkan kepada Hanisag Hassan, 26, graduan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri (MBBS) dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), manakala pingat gangsa diberi kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Khairul Adib Muhammad Yusof, 23.

Pada majlis sama, Idris turut menyampaikan pemberian khas pendidikan iaitu Biasiswa Khas Yayasan Tunku Abdul Rahman untuk manfaat seramai 25 pelajar. Mereka menerima pembiayaan yuran pengajian dan elaun sara hidup RM600 sebulan.